

**Matlamat Perintah Khidmat Masyarakat di Mahkamah Syariah
Menurut *Maqasid Syariah* dan Pandangan Hakim Syarie**
*The Objective of Community Service Orders and The Perspective of
Shariah Judges*

Nurbazla Ismail¹ & Mohd Al Adib Samuri
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Pensyarian hukuman dalam Islam perlu menepati objektif utama penghukuman iaitu berdasarkan hukum syarak. Oleh kerana perintah khidmat masyarakat merupakan hukuman baru yang ingin dicadangkan dalam sistem keadilan jenayah syariah, maka hukuman ini perlu dipastikan agar menepati maqasid syariah. Manakala bagi tujuan pelaksanaan pula perlu mempertimbangkan pandangan golongan tertentu. Justeru, kajian ini dilakukan untuk mengkaji hukuman perintah khidmat masyarakat menurut maqasid syariah. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti matlamat pelaksanaan hukuman ini menurut pandangan Hakim Syarie. Reka bentuk kajian ini adalah kajian kes yang menggunakan metodologi analisa dokumen dan temu bual separa struktur dengan menemu bual sembilan orang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan seorang Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah di lima buah negeri di Malaysia. Manakala dapatan kajian dianalisis menggunakan kaedah tematik dan deskriptif. Kajian ini mendapati bahawa hukuman perintah khidmat masyarakat menepati hukum syarak menurut maqasid syariah. Ini berdasarkan dapatan kajian daripada Hakim Syarie dan disokong oleh fuqaha yang membincangkan berkaitan maqasid syariah. Pelaksanaan hukuman ini dikatakan mampu memberi kesan yang positif kepada pesalah dan masyarakat. Oleh itu, ia wajar dilaksanakan sebagai satu hukuman alternatif bagi kesalahan jenayah syariah di Malaysia.

Kata kunci: perintah khidmat masyarakat, maqasid syariah, hukum syarak, hakim Syarie

Abstract

Punishment in Islam should meet the main objectives of sentencing based on Islamic law. As a community service order is a new sentence to the criminal justice system proposed in Sharia, the penalty is a need to ensure conformity with Islamic law which is in accordance with the Maqasid Shariah. However, for the purpose of implementation will have to consider

¹ Corresponding author : Nurbazla Ismail, Jabatan Syariah, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, nurbazlaismail@gmail.com

the views of certain groups. Thus, this study was conducted to examine the sentence of community service orders in accordance with Maqasid Shariah. In addition, this study also aims to identify the goals of this execution in the view of Judge. This is a case study which is using the document analysis and semi-structured interviews as a methodology. The interview were held with nine Syariah High Court Judge and the Chief Registrar of the Syariah Court in five states in Malaysia. The findings of the study were analyzed using thematic and descriptive methods. This study showed that community service order by Maqasid Shariah fulfill the Islamic law sentence. This is based on the findings of the Judge and supported by jurists discussed on Maqasid Shariah. Execution is said to have a positive impact on the offender and the community. Therefore, it should be done as an alternative punishment for the criminal offense of Shariah in Malaysia.

Keywords: community service order, maqasid shariah, Islamic law, shariah judge

PENGENALAN

Perintah khidmat masyarakat merupakan satu bentuk hukuman yang ingin dicadangkan dalam sistem keadilan jenayah syariah di Malaysia. Perintah ini dicadangkan sebagai hukuman pilihan sama ada sebagai gantian hukuman atau tambahan hukuman bagi hukuman sedia ada. Ini kerana hukuman sedia ada iaitu tiga tahun penjara, RM5,000 dan enam kali sebatan kurang memberikan kesan kepada pesalah. Hal ini berdasarkan paparan berita di akhbar tempatan yang menyatakan bahawa peningkatan jumlah kes jenayah syariah berpunca daripada pelbagai faktor seperti tahap pendidikan agama, masalah sosial dan hiburan melampau (Berita Harian 2013). Dengan ini, adalah jelas bahawa hukuman sedia ada tidak dapat menakutkan pesalah.

Perintah ini boleh dikategorikan sebagai hukuman takzir berdasarkan takrifan yang diberikan oleh para fuqaha. Walau bagaimanapun, setiap pensyarian hukuman dalam Islam perlu dipastikan bertepatan dengan hukum syarak. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengkaji hukuman perintah khidmat masyarakat menurut *maqasid syariah*. Namun timbul persoalan, bagaimanakah matlamat penghukuman perintah khidmat masyarakat dapat dicapai? Justeru, kajian ini akan membincangkan matlamat pelaksanaan hukuman ini menurut *maqasid syariah*.

Seterusnya, bagi memastikan objektif penghukuman tercapai juga, pandangan badan perundangan seperti Hakim Syarie juga perlu dikenal pasti. Ini kerana Hakim Syarie bertanggungjawab memutuskan hukuman kepada pesalah jenayah di Mahkamah Syariah. Hukuman yang ingin diputuskan perlu menimbangkan beberapa perkara supaya mampu memberi kesan positif

kepada pesalah. Justeru, perbincangan kajian ini juga akan memfokuskan kepada pandangan Hakim Syarie berhubung hukuman ini.

PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT MENURUT *MAQASID SYARIAH*

Syariat Islam secara zahirnya berdasarkan hukum-hukum dan kaedah-kaedah yang dibuat adalah bertujuan untuk menjaga kemaslahatan dan mengelak kemudaratan. Perkara ini telah dibahaskan oleh kebanyakan fuqaha Islam seperti ʿIzz bin Abd al-Salam, Ibn Taimiyyah dan Ibn Qayyim al-Jauziyyah (al-Zaidan 2000: 88-89). Setiap hukuman yang ditetapkan oleh Islam mengandungi hikmah tertentu dan mendatangkan kebaikan kepada pesalah yang dihukum malahan dalam sesetengah kes, kebaikan tersebut turut memberi kesan kepada keluarga pesalah dan juga masyarakat umum. Contohnya pensyariatan hukuman rejam terhadap pelaku zina dalam kes hudud. Selain daripada menghukum penjenayah, pelaksanaan hukuman tersebut mampu memberi peringatan kepada masyarakat yang melihat hukuman tersebut dijalankan. Ini yang dikatakan sebagai objektif penghukuman (*maqasid syariah*) bagi menjaga kemaslahatan manusia (Amran 2012).

Maqasid syariah membawa maksud objektif atau tujuan yang diletakkan oleh syarak dalam mensyariatkan sesuatu hukuman (Auda 2010: 246). Ia juga bermaksud masalah-masalah untuk menjaga manusia sama ada di dunia atau di akhirat. Secara ringkasnya, *maqasid syariah* ialah matlamat-matlamat yang ingin dicapai oleh syariat demi kepentingan manusia. Perubahan hukum yang berlaku berdasarkan perubahan zaman dan tempat adalah untuk menjaga kemaslahatan manusia (ʿAwdah 2009: 120), memberi manfaat (Abu Zahrah t.th: 28) dan mengelakkan kemudaratan.

Sebagaimana firman Allah dalam surah Yunus (10: 57) yang menjelaskan bahawa perbuatan jahat atau jenayah mampu ditegah dengan melaksanakan hukum syarak. Kemaslahatan manusia tidak akan diperoleh dengan melakukan perbuatan buruk manakala perbuatan baik pula akan diikuti dengan masalah. Seterusnya, fuqaha Islam membahaskan bahawa syariat datang untuk menjaga kemaslahatan manusia tetapi sekiranya berlaku perbuatan jenayah, maka hukuman terhadap kesalahan yang dilakukan wajib dikenakan.

Bagi melaksanakan hukuman-hukuman ini, terdapat pelbagai cara yang boleh digunakan sama ada terdapat dalam nas al-Quran atau al-Hadith. Hukuman juga boleh dilaksanakan oleh pemerintah yang adil dan berpegang pada al-Quran dan al-Hadith. Namun sekiranya tidak terdapat nas daripada kedua-duanya, hukuman boleh diqiyaskan kepada hukuman yang terdapat

dalam nas. Walhal, pemerintah wajib melaksanakan hukuman menggunakan asas untuk menjaga kemaslahatan manusia (Abu Zahrah t.th: 28-29). Dalam konteks ini, hukuman takzir yang terdapat dalam nas adalah luas dan pelbagai. Maka, perintah khidmat masyarakat yang termasuk dalam hukuman takzir adalah bertujuan untuk menjaga kemaslahatan manusia dengan melakukan perbuatan yang baik. Justeru, hukuman tersebut adalah menepati *maqasid syariah* secara keseluruhan.

Di samping itu, hukuman disyariatkan untuk dipatuhi oleh hakim sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah SWT sebagai balasan bagi kesalahan jenayah yang dilakukan (Ahmad Fathi Bahnasi 1980: 107-108). Setiap kesalahan yang dilakukan oleh manusia perlu dibalas dengan hukuman yang sewajarnya. Hukuman ini perlu dilakukan untuk dijadikan pengajaran kepada masyarakat yang belum pernah melakukan kesalahan jenayah. Oleh itu, hukuman yang diperintahkan oleh hakim perlu memenuhi tujuan penghukuman iaitu menjaga kemaslahatan umum berdasarkan prinsip *maqasid syariah*. Selain itu, objektif penghukuman juga adalah untuk menjaga kebebasan individu. Kebebasan memberi makna sama ada kebebasan berfikir, kebebasan memberi pendapat atau kebebasan aqidah. Kebebasan individu ini menepati *maqasid syariah* untuk memelihara jiwa dan akal. Seterusnya, ia akan menjaga kemaslahatan masyarakat.

Menurut Abu Zahrah (t.th: 77-78) pula, hukuman Islam wajib memenuhi empat perkara iaitu menjaga kemaslahatan Islam, bukan menjaga hawa nafsu dan syahwat sama ada hawa nafsu hakim atau orang lain. Kedua, hukuman tersebut dapat memberi manfaat kepada masyarakat. Ketiga, hukuman mestilah munasabah antara hukuman dan perbuatan jenayah, tidak boleh tersalah hukuman dan tidak boleh melebihi perbuatan jenayah tersebut. Keempat, kesamarataan dan keadilan antara semua manusia. Perkara-perkara ini menepati *maqasid syariah* secara hampir menyeluruh iaitu memelihara agama, jiwa, akal, keturunan dan harta.

Berdasarkan perbincangan yang telah dijelaskan, boleh disimpulkan bahawa objektif utama penghukuman dalam Islam adalah untuk menjaga kemaslahatan masyarakat secara umum berdasarkan prinsip *maqasid syariah* iaitu memelihara agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Oleh demikian, hukuman perintah khidmat masyarakat boleh dikatakan memenuhi kesemua *maqasid syariah* tersebut. Ini kerana hukuman tersebut boleh diperintahkan kepada pesalah yang melakukan kesalahan jenayah, contohnya jenayah moral seperti berkelakuan tidak sopan di khalayak ramai (Sheikh Abd. Rahman 2013). Hukuman ini secara khususnya diperintahkan kepada individu pesalah sahaja namun khidmat masyarakat dilakukan dalam masyarakat. Contohnya, memungut sampah sarap di bandar. Ini bermaksud, masyarakat akan terlibat

secara tidak langsung dengan melihat pelaksanaan hukuman tersebut. Maka, sekali gus hukuman ini akan memelihara agama Islam dengan menunjukkan bahawa hukuman Islam masih dilaksanakan.

Seterusnya, memelihara jiwa individu pesalah dengan mengelakkan dirinya daripada terjebak dengan kesalahan yang lebih berat sekiranya dipenjarakan dan dipengaruhi oleh pesalah yang turut di penjara bersamanya (Amran 2012 & Abdul Ghani 2012). Di samping itu, hukuman ini boleh memelihara akal pesalah dengan memerintahkan hukuman yang boleh memberi keinsafan dalam diri dan memberi didikan rohani kepadanya (Abdul Ghani 2012). Hukuman ini juga dilihat boleh memelihara keturunan pesalah dan juga masyarakat kerana seseorang yang melihat pelaksanaan hukuman ini tidak akan mempunyai keberanian untuk turut melakukan jenayah. Tambahan pula, hukuman sebegini boleh memalukan seseorang (Sheikh Abd. Rahman 2013), maka dia akan melarang ahli keluarganya daripada terjebak dalam aktiviti jenayah walaupun jenayah kecil.

Selain itu juga, hukuman ini boleh memelihara harta pesalah, keluarga dan juga negara. Ini kerana aktiviti khidmat masyarakat ini tidak memerlukan pesalah mengeluarkan duit walau sedikit sebagaimana hukuman denda. Pesalah hanya perlu melakukan aktiviti kemasyarakatan sebagai tebusan atau balasan bagi kesalahan yang dilakukan. Keluarga pesalah juga tidak perlu memberi bantuan kewangan malahan mungkin mendapat sumbangan hasil aktiviti kemasyarakatan yang dilakukan. Manakala sumber kewangan negara yang melaksanakan aktiviti ini dapat dijimatkan kerana tidak perlu mengeluarkan belanja untuk membayar kos pesalah seperti hukuman penjara (Sharifuddin 2012).

Justeru, perbincangan ini telah menjelaskan bahawa perintah khidmat masyarakat adalah menepati objektif penghukuman dalam Islam (*maqasid syariah*) dan mampu memberi kesan yang baik sama ada kepada pesalah dan juga masyarakat (Abdul Ghani 2012). Oleh itu, hukuman ini perlu mendapat sokongan semua pihak supaya ia dapat dilaksanakan dalam sistem keadilan di Malaysia khususnya di Mahkamah Syariah.

METODOLOGI

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji hukuman perintah khidmat masyarakat menurut *maqasid syariah*. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti matlamat pelaksanaan hukuman ini menurut pandangan Hakim Syarie. Maka, data kajian ini diperoleh melalui temu bual separa struktur bersama sembilan orang hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan seorang Ketua Pendaftar di lima buah Mahkamah Syariah Negeri. Mahkamah Syariah merupakan badan pelaksana bagi hukuman yang dicadangkan ini.

Oleh kerana terdapat 14 buah negeri di Malaysia, maka hanya lima buah negeri sahaja yang dipilih berdasarkan pembahagian zon di Malaysia iaitu Pahang, Johor, Selangor, Wilayah Persekutuan dan Kedah. Manakala orang orang hakim Mahkamah Tinggi atau Ketua Pendaftar dipilih kerana mereka pernah atau masih membicarakan kes-kes jenayah Syariah yang berkaitan dengan subjek kajian.

Seterusnya, dapatan kajian pula dianalisis menggunakan kaedah tematik dan deskriptif. Pada peringkat awal, data mentah kajian ditranskripsi satu persatu berdasarkan setiap patah perkataan yang disebut oleh partisipan kajian. Data seterusnya dikumpulkan dalam beberapa kumpulan dan dibentuk menjadi tema-tema yang difahami. Kemudian, data dianalisis berdasarkan setiap tema yang dibentuk menggunakan kaedah deskriptif. Hasil kajian yang diperolehi daripada penganalisan data diharap dapat menjawab persoalan dan objektif kajian ini.

PERSPEKTIF HAKIM SYARIE: MATLAMAT PELAKSANAAN PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT

Hukuman adalah balasan yang dikenakan bagi menjaga kemaslahatan masyarakat ke atas dosa yang dilarang oleh Allah (‘Awdah 2009: 455). Ia bukanlah sesuatu yang sengaja diwujudkan tanpa sebab dan alasan yang munasabah, tetapi ia merupakan satu keperluan bagi menjamin keamanan manusia. Justeru, sesuatu hukuman yang disyariatkan oleh Islam perlu mempunyai tujuan atau matlamat atau objektif tertentu. Ini bagi memastikan supaya pelaksanaannya mampu menjaga kemaslahatan masyarakat. Hal ini dinyatakan oleh partisipan berikut:

Partisipan 1: "...dia kan dalam Islam la, tujuan hukuman tu apa dia? Matlamat hukuman tu apa dia? Jadi, dalam Islam tu memang ada matlamat, objektif hukuman tu..."

Partisipan 4: "...tujuan dia adalah untuk, kena tengok apa hikmah hukuman, ‘uqubah, kan dia ada sifat dia. Untuk mencapai gharar tujuan ‘uqubah tu, hukuman dijatuhkan. Jangan jatuh hukuman yang tak akan capai matlamat..."

Partisipan 5: "...Sebab nak buat sesuatu tu, bagi saya la, kita kena faham konsep, prinsip hukuman. Kadang-kadang kita kata, apa yang manusia terfikir tu baik, tapi saya percaya, yang Allah tetapkan tu lagi baik..."

Sebagaimana yang disebut dalam ayat 7 dan 8, surah al-Zalzalah, setiap perbuatan baik atau jahat pasti akan mendapat balasannya tersendiri sama ada balasan di dunia atau akhirat. Menurut tafsir al-Munir, sebab turun kedua-dua ayat ini ialah berdasarkan penurunan ayat 8, surah al-Insan 76 yang menceritakan tentang orang Islam yang mengandaikan bahawa mereka tidak akan diberi ganjaran terhadap pemberian mereka yang sedikit. Manakala segolongan yang lain pula menyangka bahawa mereka tidak akan dicela terhadap dosa kecil seperti berdusta, melihat perkara haram, ghibah dan seumpamanya. Mereka berpendapat bahawa Allah hanya menyediakan neraka untuk dosa-dosa besar. Maka, Allah menurunkan ayat ini (al-Zuhaily 2001: 357-358).

Surah tersebut juga menerangkan bahawa sesiapa yang membuat amal kebajikan walaupun kecil, akan tetap dihitung oleh Allah. Begitu juga bagi sesiapa yang membuat kejahatan walaupun kecil, akan tetap dihitung oleh Allah dan ditulis dalam kitab amalan masing-masing. Manakala menurut tafsir al-Munir pula, ayat ini menyatakan bahawa sesiapa yang melakukan sesuatu perbuatan di atas dunia ini walaupun nilainya seberat seekor semut yang kecil atau debu yang hanya boleh dilihat di bawah sinaran matahari, apa sahaja amalan sekalipun kecil seseorang itu akan mendapatinya tercatat di dalam buku (suratan amalannya) pada hari kiamat nanti. Dia akan menerima balasannya, lalu dia akan merasa gembira dengannya atau dia akan melihatnya terpapar di hadapan matanya. Begitulah juga kedudukannya bagi orang yang melakukan kejahatan di atas dunia ini, sekalipun kejahatan itu remeh dan kecil, dia pasti akan dapati perbuatan itu tersurat pada hari kiamat. Ini pasti akan menambah kesedihannya (al-Zuhaily 2001: 360-361). Maka, di sini jelas bahawa setiap perbuatan jahat mesti ada hukuman dan balasannya.

Partisipan 1: "...dan setiap apa yang salah pun sebesar zarah pun, ada balasannya la. Itu dalam al-Quran..."

Oleh itu, tujuan atau matlamat penghukuman perlu dikenal pasti supaya hukuman yang dijatuhkan akan mencapai tujuan diwujudkan hukuman tersebut. Seterusnya, ia akan memberi kesan kepada orang yang menerima hukuman.

Memperbaiki dan Memulihkan

Objektif penghukuman ini banyak dibahaskan oleh para fuqaha dan para pengkaji moden. Tujuan penghukuman adalah untuk memperbaiki (*islah*) (al-Zaidan 1998: 36; Zaini 2008: 4; °Awdah 2009: 455; Abu Rukhiyyah 2010: 297) dan memulihkan individu pesalah (O'leary 1987; °Awdah 1989; Pejabat Pentadbiran Mahkamah Amerika Syarikat 1989; Altschuler & Armstrong

2001; Smith & Smith 2005; Allen 2008) seterusnya mewujudkan ketenangan dalam diri pesalah (al-Zaidan 1998: 36). Ia merupakan salah satu kaedah pemulihan yang dijalankan kepada pesalah (Zaini 2008: 3) supaya kembali menjadi insan yang berguna. Selain itu, hukuman dikanunkan adalah untuk menjaga keamanan (al-Zaidan 1998: 36), melindungi dan menjaga sistem masyarakat (Zaini 2008: 4). Ini berdasarkan respon partisipan kajian ini:

Partisipan 1: "...kalau boleh makna hukuman yang memulihkan dia..."

Partisipan 6: "...maka mahkamah boleh melihat bahawa khidmat masyarakat ni salah satu untuk memberikan dia kesedaran atau pemulihan..."

Partisipan 6: "...satu kaedah-kaedah, pemulihan secara yang lebih baik..."

Dapatan kajian ini selari dengan hasil kajian di United Kingdom yang dilakukan untuk mempertimbangkan implikasi strategi yang wujud bagi program perintah khidmat masyarakat. Program ini membincangkan strategi yang tidak selaras dengan tuntutan bagi meningkatkan kemahiran dalam pelaksanaan kerja khidmat masyarakat. Hasil kajian mendapati bahawa kebanyakan responden menyatakan bahawa tujuan utama pemilihan pekerjaan adalah sebagai pemulihan (Johnson & Ingram 2007). Ini kerana sistem keadilan dilihat perlu mematuhi prinsip melindungi masyarakat dan membina keyakinan masyarakat serta meningkatkan pendekatan antara masyarakat dan perkhidmatan yang boleh menjadikan masyarakat lebih kuat dan efektif.

Manakala hasil kajian Harris et al. (1989) pula menunjukkan bahawa majoriti responden menyatakan bahawa objektif rawatan atau bantuan merupakan objektif yang paling penting dalam penyeliaan masyarakat. Begitu juga kajian Diggs & Pieper (1994) yang menyatakan bahawa tujuan utama khidmat masyarakat ialah untuk merawat pesalah. Rawatan ini bertujuan untuk membantu memperbaiki dan mengubah pesalah menjadi lebih baik seterusnya mampu menyumbang kepada masyarakat (Harris et al. 1989). Ini membuktikan bahawa perintah khidmat masyarakat merupakan hukuman yang mendatangkan kebaikan. Hal ini disebut oleh partisipan berikut:

Partisipan 6: "...perintah masyarakat ini adalah satu cadangan yang baik bagi memperbaiki seseorang yang diperintahkan melaksanakannya..."

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa perintah khidmat masyarakat dapat memperbaiki dan memulihkan pesalah serta dapat mencapai objektif penghukuman dalam Islam. Maka, ia wajar dilaksanakan di Mahkamah Syariah Malaysia.

Mendidik dan Menghukum

Selain itu, matlamat hukuman menjurus ke arah mendidik (*ta'dib*) (Ahmad Fathi Bahnasi 1983: 189; al-Mawardiyy 1985: 293; Awdah 1989; Abu Rukhiyyah 2010: 297; Noor Huda 2013) dan menghukum (*tahzib*) pesalah sebagai hak yang perlu ditunaikan kepada masyarakat yang dizalimi (Ahmad Fathi Bahnasi 1983: 189; Abu Rukhiyyah 2010: 297; Allen 2008; Pejabat Pentadbiran Mahkamah Amerika Syarikat 1989). Ini bertepatan dengan hasil kajian ini yang menyatakan matlamat penghukuman menurut partisipan kajian berikut:

Partisipan 1: "...sebab kita berpegang lebih kepada matlamat untuk mendidik masyarakat tu..."

Partisipan 4: "...sebab takzir ni, apa-apa hukuman yang dipandang baik oleh pemerintah atau pun pihak-pihak berkuasa setempat untuk tujuan mendidik orang tu, apa-apa bentuk pun..."

Partisipan 5: "...Sebab kena ingat balik, prinsip hukuman takzir. Tak kisah lah hudud ke, takzir ke, sama je. Prinsipnya ialah inzar, ta'dib. Adakah semua hukuman khidmat masyarakat ni boleh memberi ta'dib?..."

Partisipan 5: "...Maknanya, sebab tu kena buat dekat orang ramai. Ta'dib, mendidik. Mendidik siapa? Orang tu dan orang ramai. Termasuklah mahkamah sendiri pun. Sebab tu dengan cara buat di hadapan orang ramai tu, dia mendidik..."

Partisipan 6: "...kaedah khidmat masyarakat ini bukan kaedah menghukum. Kaedah khidmat masyarakat ini, kaedah mendidik. Mendidik seseorang itu secara langsung, secara praktikal. Dan ini satu didikan la..."

Partisipan 6: "...bagi pesalah-pesalah muda, memang baik, ada baiknya mereka menjalani khidmat masyarakat la, bagi satu pendidikan, didikan untuk mereka..."

Partisipan 8: "...sebab manusia ni kadang-kadang dia tak suka dihukum. Kalau dia dihukum, dia akan jadi lebih teruk lagi.

Sebab itu, Rasulullah s.a.w, dia nak mengajak sahabatnya kepada kebaikan, dia bukan datang dengan ancaman je, bukan dengan tarhib sahaja, tapi dengan targhib dengan beri semangat, beri dorongan yang baik...”

Hasil kajian ini dibuktikan dengan satu penyelidikan yang telah dilakukan oleh Leibrich et al. (1986) berkaitan khidmat masyarakat. Responden yang ditanya berhubung tujuan hukuman khidmat masyarakat dan pencapaian matlamat penghukuman tersebut menyatakan bahawa tujuannya adalah untuk menghukum pesalah dengan hukuman yang adil (O’leary 1987). Hukuman ini juga dijatuhkan untuk mengadili sesiapa yang melakukan dosa terhadap orang lain dan memudaratkannya (al-Mawardiyy 1985: 293).

Walau bagaimanapun, terdapat partisipan yang mengatakan bahawa pemenjaraan juga boleh dikatakan sebagai mendidik. Ini kerana di dalam penjara juga terdapat tempat latihan untuk pesalah tetapi pendidikan di dalam penjara adalah berbeza kerana dibatasi dengan keadaan persekitaran yang tidak melibatkan masyarakat.

Partisipan 6: “...masuk dalam lokap pun mendidik juga, dalam penjara. Duduk penjara 3 bulan dan dalam tu pun diberi latihan tetapi sudah tentu dalam penjara, latihannya tidak sama kalau seseorang itu melibatkan pendidikan secara terus dengan masyarakatnya...”

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa perintah khidmat masyarakat dapat mendidik dan menghukum pesalah. Ini bertepatan dengan tujuan penghukuman dalam Islam bagi menjaga kemaslahatan masyarakat. Maka, perintah ini wajar dilaksanakan di Mahkamah Syariah.

Memberi Kesedaran dan Keinsafan

Selain itu, tujuan hukuman juga adalah untuk menimbulkan rasa keinsafan dalam diri pesalah serta menguji keimanan, ketaatan dan penyerahan diri kepada Allah SWT. Hukuman dapat mendorong manusia agar taat kepada peraturan Allah (‘Awdah 2009: 455) dan memberi petunjuk daripada kesesatan (‘Awdah 2009: 455). Dalam masa yang sama, hukuman ini dapat memberi pengajaran kepada pelakunya dan kepada masyarakat agar tidak mengulangi kesalahan yang sama. Hasil dapatan ini disokong oleh beberapa partisipan seperti berikut:

Partisipan 2: “...Dia asas kepada hukuman takzir ni, ialah dia tidak berbentuk hukuman. Dia hanya berbentuk sebagai memberi pengajaran dan juga memberi peringatan. Itu asas kepada hukuman

takzir tu. Jadi, kalau dikatakan sebagai khidmat masyarakat tu dapat, yang pertama, dia memberi kesedaran kepada dia. Ataupun memberi peringatan kepada dia agar tidak mengulangi kesalahan itu. Maknanya, itu memadailah, kan...”

Partisipan 4: “...so, kita kena buat akhafu darurain supaya kesalahan tu tak berulang dan dia menimbulkan kesedaran pada orang yang tu dan dia lebih baik lepas tu. Jadi, sebab tu khidmat masyarakat itu penting daripada kita masuk dalam sesuatu tempat, dia lebih teruk. Masuk penjara, tak boleh servis dah...”

Partisipan 5: “...Kenapa digunakan inzar? Peringatan tu untuk orang lain dan diri dia sendiri. Maknanya, sebab tu kena buat dekat orang ramai...”

Namun, sekiranya kesalahan yang dilakukan berulang kali, maka khidmat masyarakat tidak lagi sesuai dikatakan sebagai memberi pengajaran dan peringatan. Ini kerana seseorang yang mengulangi kesalahan yang sama bermaksud hukuman yang dikenakan tidak berkesan untuknya. Jadi, kemungkinan hukuman lain patut dikenakan kepada golongan pesalah sedemikian.

Partisipan 2: “...Kalau khidmat masyarakat tu, bagi dia memang tak boleh, tak jadi, kan. Contohnya, mungkin dah kerap kali dia melakukan kesalahan tu, cuma itulah kali pertama dihadapkan ke mahkamah, contoh, kan. Jadi, mungkin itu dari segi memberi kesedaran, pengajaran, mungkin tidak memadai, tidak memberi kesan kepada diri dia. Itu mungkin tidak terpakai atau pun tidak sesuai untuk dia dihukum sebagai untuk memberi khidmat masyarakat. Itulah...”

Walaupun perintah khidmat masyarakat dikatakan boleh memberi pengajaran dan kesan yang baik kepada pesalah, namun kita tidak boleh membuat anggapan bahawa hukuman penjara, denda dan sebat yang sedia ada sekarang ini tidak memberi kesan. Kita juga tidak boleh menganggap bahawa hukuman-hukuman tersebut menzalimi atau menyusahkan pesalah. Keberkesanan hukuman bergantung kepada kes-kes tertentu.

Partisipan 5: “...Kita tak boleh buat presumption, hukuman yang ada ini tidak menyedarkan. Atau pun hukuman yang ada ini menzalimi, tak boleh. Bergantung kepada kes...”

Perintah khidmat masyarakat juga mampu memberi kesedaran dan keinsafan tentang kesalahan yang dibuat oleh pesalah. Kesedaran ini mampu mengubah mereka ke arah kebaikan. Hal ini berdasarkan hasil kajian daripada temu bual beberapa partisipan kajian seperti berikut:

Partisipan 4: "...kita kata, kita jatuhkan hukuman ni untuk bagi kesedaran kepada dia dan dia akan lebih bertanggungjawab. Jadi maknanya tujuan kita adalah untuk dia bertanggungjawab, sedar tentang tanggungjawab dan dalam masa yang sama, kelangsungan hidup dia boleh diteruskan. Maknanya khidmat masyarakat lebih baik sebab kita akan hantar untuk dia realize apa obligasi dia kepada masyarakat dan tanggapan masyarakat atas sesuatu kesalahan..."

Partisipan 6: "...ada baiknya mereka menjalani khidmat masyarakat la, bagi kesedaran untuk mereka. Mungkin mereka tidak ditekan dengan pendekatan agama sebelum ini dalam kehidupan mereka tetapi ini menyebabkan mereka lebih dekat, memahami tentang kesalahan-kesalahan, kenapa mereka buat kesalahan itu sebelum ini?..."

Partisipan 8: "...yang boleh beri touching kepada dia, beri kesedaran kepada dia..."

Partisipan 9: "...Ada jugak si lelaki ni kadang-kadang mungkin tak pernah pergi masjid, tak pernah buat benda-benda macam ni, tiba-tiba dihukum macam tu, dia mendatangkan kesedaran, keinsafan pada dia. Ada juga macam tu..."

Partisipan 9: "...Dan kalau lah dengan khidmat masyarakat ni lebih mendatangkan kesan, lebih menginsafkan, lebih menakutkan orang, so kenapa kita tak buat? Satu benda yang sangat-sangat elok la..."

Partisipan 10: "...Khidmat masyarakat tu, maksudnya, kurang-kurangnya, konsep dia untuk nak bagi kesedaran kepada pihak yang bersalah tu, kan..."

Namun, kesan hukuman yang dapat dilihat daripada kesedaran pesalah tersebut bergantung kepada hati mereka. Jika Allah mengubah hati mereka untuk sedar, maka mereka akan sedar dengan kesilapan yang dilakukan. Tetapi sekiranya Allah tidak membuka hati mereka, maka mereka tidak akan melihat kesalahan yang dilakukan itu sebagai sesuatu yang salah. Jelasnya,

segalanya bergantung kepada kehendak Allah juga untuk menentukan kesan terhadap sesuatu hukuman itu menepati matlamat penghukuman atau tidak.

Partisipan 7: "...Tapi kita tak tahu jugak hati masing-masing. Kadang-kadang bila kena tu, dia berubah juga. Sebab hati ni, Allah yang tentu, dia berubah-ubah, kan. Tak semestinya bila kita buat tu, diorang tak boleh terima, kan. Kadang-kadang tu, bila dia kena penjara, dia ada kesedaran. Mungkin, dia buat itu, dia ada kesedaran..."

Partisipan 8: "...sebenarnya, kalau diikutkan sejarah, mad'u ni bergantung kepada hidayah Allah SWT. Kalau Allah nak beri dia hidayah, dia dapat hidayah. Tapi manfaat sebenar, kepada daie itu sendiri, orang yang menjalankan dakwah. Jadi boleh kembang sampai ke peringkat itu..."

Partisipan 8: "...kita tak boleh tengok pelacur hari ini, confirm dia mati masuk neraka, tak boleh. Mana tahu kalau Allah tukar dia, lebih baik daripada kita, syurga lebih tinggi daripada kita lagi..."

Walaupun begitu, kesan kesedaran juga boleh dilihat daripada perubahan akhlak pesalah tersebut. Ini kerana khidmat masyarakat mampu membentuk akhlak yang baik dari sudut kerohanian atau keagamaan. Sekiranya dia berubah ke arah kebaikan selepas menjalani hukuman, maka dapat disimpulkan bahawa hukuman tersebut memberi kesedaran kepada dia. Seterusnya, membuktikan bahawa matlamat penghukuman dapat dicapai sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam umumnya dan Mahkamah Syariah khususnya. Ini disokong oleh beberapa partisipan berikut:

Partisipan 1: "...tapi dalam masa yang sama, kalau ditambahkan dengan aktiviti dalam konteks berapa jam dia kena hadir sesi tazkirah ke, sesi tazkirah berkumpulan, sesi kaunseling ke. Benda tu, dia lebih berkesan. Dia lebih menyentuh sahsiah peribadi dia tu. Makna dari sudut itu yang kita nak. Makna tujuan hukuman tu. Kalau katakan dia bagi khidmat masyarakat tu, maknanya orang kata apa tu. Kesan dia tu, lebih la, pada saya..."

Partisipan 4: "...Khidmat Masyarakat ni more kepada apa? Pembentukan akhlak, kesedaran. Membentuk dia untuk jadi seorang yang bertanggungjawab dan berperibadian dan dalam masa yang sama juga, dia dapat energize dia punya sifat-sifat baik, kerohanian, jaga orang tua..."

Partisipan 8: "...tapi kita di Mahkamah Syariah ni sebenarnya, keinginan kita supaya orang berubah, orang jadi baik, akhlak dia..."

Partisipan 10: "...Dia maksudnya, dia Mahkamah Syariah ni, Kita nak bagi kesedaran kepada pihak yang bersalah tu. Bukanlah kita kata, khidmat tu nak mendera ke, apa. Penting dia ada kesedaran. Dia, satu-satu sikap dakwah kita la, kan. Makna, dia boleh kembali ke jalan asal, jalan yang benar, kan..."

Partisipan 10: "...Untuk dia lebih insaf, balik ke pangkal jalan, maksudnya gitu. Ha, maksudnya kesan apa yang dia buat tu, mungkin peruntukan rumah tangga, untuk dia lebih melakukan, apa. Membiarkan anak luar nikah. Jadi, dengan khidmat masyarakat ni, masyarakat tengok dia, dia boleh insaf, dia boleh mengurangkan benda tu la, kan..."

Hal ini jelas menunjukkan bahawa perintah khidmat masyarakat dapat memberi pengajaran dan keinsafan dalam diri pesalah. Oleh itu, perintah ini wajar dilaksanakan dalam sistem keadilan jenayah syariah.

Mencegah dan Melindungi Masyarakat

Seterusnya, matlamat penghukuman juga adalah untuk mencegah dan melindungi masyarakat daripada melakukan perbuatan buruk atau kerosakan (Abu Zahrah t.th: 28; °Awdah 2009: 455; Abu Rukhiyyah 2010: 297; Pejabat Pentadbiran Mahkamah Amerika Syarikat 1989). Hukuman menjadi pengalaman yang memeritkan bagi penjenayah yang mengalaminya. Ini kerana pesalah bukan sahaja merasai kesakitan dari segi fizikal malahan tekanan emosi akibat dimalukan dan diaibkan di khalayak ramai. Pencegahan akan berhasil melalui pelaksanaan hukuman tersebut apabila masyarakat yang melihat merasa takut untuk melakukan jenayah yang serupa. Bagi penjenayah pula, keperitan daripada hukuman yang dikenakan ke atasnya akan menghalangnya daripada mengulangi perbuatan jenayah itu (°Awdah 2009: 455).

Partisipan 9: "...Pada saya, secara peribadi, saya sokong lah berkenaan hukuman berbentuk khidmat masyarakat ni. Saya rasa lebih menjurus mengikut kehendak undang-undang kita ni. Sebab kalau kita tengok undang-undang kita ni, matlamat sebenarnya adalah untuk pencegahan..."

Hasil dapatan ini dikuatkan oleh Palmer et al. (2009) yang menyatakan bahawa tujuan pelaksanaan perintah khidmat masyarakat adalah untuk

membantu pesalah mengelak daripada mengulangi kesalahan yang sama melalui pembangunan sikap dan kelakuan. Ini kerana kesalahan boleh dikaitkan dengan gaya pemikiran pesalah. Oleh itu, dengan pembangunan sikap yang positif melalui aktiviti khidmat masyarakat boleh membantu pesalah untuk tidak melakukan kesalahan berulang.

Manakala Harris et al. (1989) pula menyatakan bahawa perintah khidmat masyarakat bertujuan untuk melindungi dan menjaga masyarakat. Ini kerana pelaksanaan hukuman tersebut mampu menunjukkan bahawa pesalah diberikan hukuman yang mungkin memalukan bagi sesetengah orang. Oleh itu, masyarakat tidak berani untuk melakukan kesalahan yang boleh dikenakan hukuman tersebut. Selain itu, terdapat juga satu program kemasyarakatan yang menyediakan persekitaran untuk pembinaan kesedaran bermasyarakat dalam diri pesalah (Smith & Smith 2005). Dalam masa yang sama, pesalah dapat menyumbang sesuatu yang berfaedah kepada masyarakat.

Partisipan 1: "...kemudian ada sesuatu yang berfaedah yang dia boleh bagi, sumbang kepada masyarakat..."

Partisipan 2: "...Sebagaimana yang saya gariskan tadi. Maknanya, dia ada empat tadi, kan. Maknanya untuk memastikan supaya, yang pertama, kita nak jaga dari segi masyarakat itu sendiri, kan..."

Secara jelasnya, untuk mencapai sesuatu matlamat penghukuman perlu kembali kepada fitrah, iaitu agama. Ini kerana setiap kesalahan yang dilakukan berpunca daripada dalaman seseorang individu, iaitu hati. Sekiranya rosak luarannya, maka sudah tentu rosak hatinya. Oleh itu, cara untuk memperbaiki dalaman mestilah menggunakan kaedah batin yang mampu mengubah hati individu pesalah.

Partisipan 5: "...Sebab kita kena ingat, prinsip kita kembali kepada agama..."

Partisipan 8: "...Bila iman dah rosak, keyakinan kepada Allah tak ada, keyakinan kepada kehidupan yang dibawa oleh Rasulullah itu, satu benda yang hebat itu tak ada. Jadi, dengan hati yang penuh dengan kebatilan, yang rosak nya tadi akan melahirkan amalan-amalan yang rosak la, amalan-amalan yang batil. Jadi, nak hancurkan kebatilan tu, bukan dengan cara kekerasan..."

Antara cara yang boleh digunakan ialah dengan menggunakan kebaikan yang boleh mendatangkan manfaat sama ada kepada pesalah sendiri atau pun masyarakat. Ini kerana hukuman berbentuk kebaikan kemungkinan dapat

menginsafkan diri pesalah secara langsung dan menyedarkan masyarakat secara tidak langsung. Ini bertepatan dengan hukuman yang berbentuk khidmat masyarakat yang dilakukan bermaksud untuk kebaikan.

Partisipan 8: "...jadi, kebaikan tu, kita nak kebaikan dibuat. Jadi, khidmat masyarakat ni, point utamanya adalah kebaikan yang dibuat oleh orang tu. Kebaikan yang dia buat untuk orang. Bukan menghukum dia. Tapi yang saya faham begitu lah..."

Partisipan 8: "...jadi, maknanya kita hari ni, kita suka menyelesaikan masalah dengan menghukum orang. Kita tak gunakan cara yang lebih baik. Sepatutnya hukuman tu dalam bentuk bukan menandatangani kesan yang buruk kepada dia, tetapi hukuman untuk memberi manfaat yang baik kepada dia..."

Partisipan 8: "...jadi, kadang-kadang kita fikir, kita nak betulkan orang dengan cara kekerasan. Akhirnya, tak memberi apa pun, merosakkan orang tu lagi. Hari ni kita cuba fikir, ubah fikiran kita, nak betulkan orang dengan kebaikan, bukan dengan kekasaran, hukuman yang keras..."

Dapatan kajian daripada partisipan menjelaskan bahawa perintah khidmat masyarakat menepati *maqasid syariah*. Justeru, hukuman ini perlu dikuatkuasakan dalam sistem keadilan syariah di Malaysia supaya dapat dilaksanakan kepada pesalah jenayah seterusnya membantu memperbaiki pesalah dan juga masyarakat.

KESIMPULAN

Hasil kajian ini membuktikan bahawa perintah khidmat masyarakat menepati *maqasid syariah*. Ini kerana perintah ini dikenakan untuk menjaga kemaslahatan manusia sama ada pesalah atau masyarakat. Selain itu, para Hakim Syarie menyokong pelaksanaan hukuman ini kerana mampu mencapai objektif penghukuman dalam Islam iaitu memperbaiki, memulihkan, mendidik, menghukum, memberi kesedaran dan keinsafan, mencegah dan melindungi masyarakat. Pandangan ini juga disokong oleh dapatan daripada negara yang pernah melaksanakan perintah khidmat masyarakat. Hal ini dapat dilihat berdasarkan kesan yang diperoleh setelah melaksanakan hukuman ini. Oleh itu, adalah jelas bahawa perintah khidmat masyarakat wajar dilaksanakan di Mahkamah Syariah di Malaysia kerana menepati *maqasid syariah* dan boleh mencapai objektif penghukuman dalam Islam.

RUJUKAN

- al-Quran.
- Abdul Ghani Kiefl. (2012). Perintah Khidmat Masyarakat di Mahkamah Syariah. Temu bual, 10 Oktober.
- Abdul Wahid. (2012). Perintah Khidmat Masyarakat di Mahkamah Syariah. Temu bual, 4 Disember.
- Abdul Walid Abu Hassan. (2012). Perintah Khidmat Masyarakat di Mahkamah Syariah. Temu bual, 23 Oktober.
- Abu Rukhiyyah, Majid. (2010). *al-Wajiz fi Ahkam al-Hudud wa al-Qisas wa al-Takzir*. Jordan: Dar al-Nafaais.
- Abu Zahrah, Muhammad. (t.th). *al-Uqubah: al-Jarimah wa al-Uqubah fi al-Fiqh al-Islami*. Dar al-Fiqh al-Arabi.
- Ahmad Fathi Bahnasi. (1983). *Madkhal al-Fiqh al-Jina'iy al-Islami*. Cet. ke-3. Dar al-Syuruq.
- Allen, R. (2008). "Changing Public Attitudes to Crime and Punishment: Building Confidence in Community Penalties". *Probation Journal* 55: 4, hlm. 389–400.
- Altschuler, D. M., & Armstrong, T. L. (2001). "Reintegrating High-Risk Juvenile Offenders into Communities: Experiences and Prospects". *Corrections Management Quarterly* 5: 3, hlm. 72–88.
- Amran Mat Zain. (2012). Perintah Khidmat Masyarakat di Mahkamah Syariah. Temu bual, 10 Oktober.
- Auda, J. (2010). *Maqasid al-Shari'ah as Philosophy of Islamic Law: A Systems Approach*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- °Awdah, °Abd al-Qadir. (2009). *al-Tasyri' al-Jina'i al-Islami*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- °Awdah, °Abd al-Qadir. (2009). *al-Tasyri' al-Jina'i al-Islami*. Juz 2. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Berita Harian*. (2013). 13 Ogos. http://www2.bharian.com.my/bharian/articles/PeningkatanjumlahkessyariebukanlemahsistemperundanganIslam/Article/index_html [8 Sept 2014].
- Diggs, D. W & Pieper, S. L. (1994). "Using Day Reporting Centers as an Alternative to Jail". *Federal Probation* 58: 1, hlm. 9–12.
- Harris, P.M., Clear, T.R., & Baird, S.C. (1989). "Have Community Supervision Officers Changed Their Attitudes Toward Their Work?". *Justice Quarterly* 6: 2, hlm. 233-246.
- Johnson, P., & Ingram, B. (2007). "Windows of Opportunity for Unpaid Work?". *Probation Journal* 54: 1, hlm. 62–69.

- Leibrich, B. Y. J., Galaway, B., & Underhill, Y. (1986). "Community Service Sentencing in New Zealand: A Survey of Users". *Federal Probation* 50: 55–64.
- al-Mawardi, Abi al-Hasan °Ali bin Muhammad bin Habib. (1985). *al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayat al-Diniyyah*. Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- Mohd Fouzi Haji Mokhtar. (2012). Perintah Khidmat Masyarakat di Mahkamah Syariah. Temu bual, 12 Oktober.
- Mohd Khaldun Mohd Sharif. (2012). Perintah Khidmat Masyarakat di Mahkamah Syariah. Temu bual, 7 November.
- Mohd Yusof Abd. Ghani. (2012). Perintah Khidmat Masyarakat di Mahkamah Syariah. Temu bual, 3 Disember.
- O'Leary, V. (1987). "Probation: A System in Change". *Federal Probation* 51, hlm. 8–11.
- Probation Division, A. O. of the U. S. C. (1989). "Implementing Community Service: The Referral Process". *Federal Probation* 53, hlm. 2–9.
- Sharifuddin Abdul Rahman. (2012). Perintah Khidmat Masyarakat di Mahkamah Syariah. Temu bual, 7 November.
- Sheikh Abd. Rahman Abdullah (B.c.k). (2013). Perintah Khidmat Masyarakat di Mahkamah Syariah. Temu bual, 26 Januari.
- Sheikh Mohd Roze Abdul Wahab (B.c.k, A.m.k). (2013). Perintah Khidmat Masyarakat di Mahkamah Syariah. Temu bual, 26 Januari.
- Smith, P., & Smith, W. A. (2005). "Experiencing Community Through the Eyes of Young Female Offenders". *Journal of Contemporary Criminal Justice* 21: 4, hlm. 364–385.
- al-Zaidan, °Abd al-Karim. (1998). *al-Madkhal li Dirasah al-Syariah al-Islamiah*. Cet. 16. Beirut-Lubnan: Muassasah al-Risalah.
- al-Zaidan, °Abd al-Karim. (2000). *Nazarat fi al-Syariah al-Islamiah*. Beirut-Lubnan: Muassasah al-Risalah.
- al-Zuhaily, Wahbah. (2001). *Tafsir al-Munir Juzu' Amma*. Terj. Zulkifli Yusuf et al. Petaling Jaya, Selangor: Intel Multimedia and Publication.